

PM saran rakyat supaya susun tugas harian

BM 29 MAY 1994

LANGKAWI: Rakyat khususnya di kawasan terpencil serta pulau diingatkan supaya melaksanakan tugas harian secara tetap dan teratur bagi memastikan mereka turut mengesampingkan kemajuan setanding penduduk kawasan lain.

Datuk Seri **Dr Mahathir Mohamad** berkata, penduduk terbabit akan terus ketinggalan jika mereka mengamalkan kerja secara sambil dan tidak ada jadual tugas tersusun.

Menurut Perdana Menteri, mereka juga mesti mendisiplinkan diri dan tidak mudah melatah, khususnya apabila ditawarkan sejumlah wang sebagai tukaran dengan harta mereka, terutama tanah.

Beliau juga berkata, mereka seharusnya mencontohi amalan pekerja jaba-

tan kerajaan yang ada jadual tugas yang tertib bagi memudahkan orang ramai berurusan.

"Kalau hendak maju, kita kena buang tabiat bekerja secara sambil yang biasa kita lakukan, iaitu bekerja apabila berasa hendak bekerja atau bila memerlukan wang." "Sebaliknya kalau kita hendak bekerja, kita kena buat secara tersusun seperti di pejabat kerajaan," katanya di majlis perjumpaan dengan penduduk Pulau Tuba, sebuah pulau di gugusan Langkawi, semalam.

Beliau menghabiskan masa kira-kira empat jam di Pulau Tuba dan sempat melawat projek kraftangan yang dijalankan oleh penduduk di situ.

Turut serta ialah isterinya Datin Seri Dr Siti

Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib, Pegawai Daerah, Ismail Hamid dan Pengerus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi, Datuk Abdul Halil Mutalib.

Dr Mahathir menasihatkan penduduk pulau itu jangan menjual tanah mereka dengan sewenang-wenang semata-mata kerana ingin mendapatkan wang dengan mudah dan cepat tanpa memikirkan kesannya pada masa depan.

"Kalau kita jual tanah, kita akan menjadi semakin miskin dan kena pindah. Lama kelamaan orang Melayu akan masuk dalam hutan," katanya.

Sebaliknya, beliau me-

nyarankan penduduk menggunakan wang dengan bijak seperti melabur atau menyerahkan tanah mereka untuk dimajukan oleh pihak tertentu.

Perdana Menteri berkata, lawatannya ke Pulau Tuba bertujuan meninjau pembangunan di situ dan mengenal pasti peluang pembangunan di pulau itu pada masa akan datang.

Katanya, pulau itu ketinggalan dari segi pembangunan berbanding Pulau Langkawi tetapi tidak bermakna ia tidak menerima perubahan langsung.

Beliau mengingatkan penduduk jangan mudah terpengaruh dengan hasutan pihak tertentu dari luar yang mahu memecah-belahkan perpaduan penduduk pulau itu.